



Perkahwinan secara Paksa atau Perkahwinan Awal

Memaksa seseorang untuk berkahwin merupakan jenayah yang serius di Australia.

Di Australia, seseorang individu bebas memilih sama ada mereka mahu berkahwin ataupun tidak. Biasanya, seseorang itu mesti berusia lebih daripada **18 tahun** untuk berkahwin secara sah. Dalam sesetengah keadaan, seorang yang berusia lebih daripada **16 tahun** boleh berkahwin dengan seorang yang berusia lebih daripada 18 tahun, tetapi ini memerlukan perintah mahkamah.

Memaksa, mengancam atau menipu seseorang untuk berkahwin adalah bertentangan dengan undang-undang Australia. Menggalakkan atau membantu mengatur perkahwinan paksaan, bersuhabat dalam perkahwinan paksaan juga menyalahi undang-undang jika anda bukan mangsanya. Ini merangkumi perkahwinan agama., budaya dan perkahwinan yang sah.

Perkahwinan yang diatur, di mana kedua-dua pihak bersetuju untuk berkahwin secara bebas, berbeza daripada berkahwin secara paksa. Perkahwinan yang diatur adalah sah dari segi undang-undang di Australia.

Sekiranya anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam bahaya, hubungi pihak polis di talian **000**.

Pihak Polis di Australia adalah selamat dan boleh dipercayai.

Jika anda memerlukan khidmat penterjemah secara percuma, sila hubungi **131 450**.

Mengambil atau menghantar seseorang ke negara lain untuk berkahwin secara paksa atau mendapatkan orang lain mengaturkan perkara ini menyalahi undang-undang.

Ada kalanya seseorang dibawa ke luar negeri tanpa rela diri atau ditipu pergi ke luar negeri untuk perkahwinan secara paksa. Ini menyalahi undang-undang dan boleh membawa kepada hukuman penjara.

Adakah anda sendiri, atau adakah anda mengenali sesiapa yang berdepan dengan risiko ini?

Jika anda atau anda mengenali sesiapa yang berada dalam, atau terdedah kepada risiko perkahwinan secara paksa atau perkahwinan awal, anda boleh hubungi **Polis Persekutuan Australia (Australian Federal Police - AFP)** di talian **131 237** (131AFP) untuk mendapat bantuan.

AFP boleh melindungi anda dan menyediakan nasihat awal dan merujuk anda kepada perkhidmatan-perkhidmatan lain untuk sokongan, seperti penginapan, bantuan kewangan, kaunseling dan nasihat undang-undang dan imigresen. Maklumat lanjut boleh didapati di tapak **web AFP** di **www.afp.gov.au**.

Di Australia terdapat perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dapat membantu.

My Blue Sky ialah talian bantuan dan tapak web kebangsaan Australia yang berdedikasi kepada pencegahan perkahwinan paksa, maklumat, rujukan dan nasihat undang-undang secara percuma.

Hubungi **(02) 9514 8115**, tsambg **0481 070 844**, hantar e-mel kepada **help@mybluesky.org.au**, atau layari tapak web **My Blue Sky** di **www.mybluesky.org.au**

1800RESPECT ialah perkhidmatan Kaunseling bagi Serangan Seksual dan Keganasan Keluarga dan Rumah Tangga Kebangsaan Australia (Australia's National Sexual Assault, Family and Domestic Violence Counselling service). Ia menyediakan maklumat dan kaunseling sulit, secara percuma melalui telefon dan juga dalam talian. Kaunselor akan mendengar masalah anda, menjawab soalan dan boleh merujuk anda kepada perkhidmatan sokongan di kawasan tempatan anda.

Hubungi talian **1800 737 732** atau kunjungi laman web **1800RESPECT** www.1800RESPECT.org.au.

Adakah anda memerlukan khidmat seorang jurubahasa?

Hubungi **Perkhidmatan Penterjemahan dan Jurubahasa** (Translating and Interpreting Service - TIS) di talian **131 450**. Seorang penterjemah dari TIS akan membantu anda berkomunikasi dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain, walau bagaimanapun TIS tidak menyediakan khidmat kaunseling. Semua panggilan adalah percuma dan sulit.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkahwinan secara paksa:

Layari tapak web **Jabatan Hal Ehwal Negara (Department of Home Affairs)** di www.homeaffairs.gov.au dan cari untuk "forced marriage" (perkahwinan paksa).